



PETIKAN AKHBAR

Pembayaran tunai AS\$2.5 bilion daripada Goldman Sachs akan diterima dalam tempoh dua bulan

PETIKAN AKHBAR | 26 JULAI 2020



SHAH ALAM, 25 Julai – Kerajaan akan menerima pembayaran tunai sebanyak AS\$2.5 bilion daripada AS\$3.9 bilion yang telah dipersetujui oleh Goldman Sachs Group Inc. bagi penyelesaian tuntutan tertunggak berkaitan urus niaga untuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam tempoh dua bulan.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata baki sebanyak AS\$1.4 bilion akan dibayar selepas aset yang berkait dengan hasil yang telah diseleweng melalui urus niaga itu dikembalikan semula kepada kerajaan.

“Sebelum ini, kita telah menerima tunai sebanyak AS\$620 juta daripada Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat.

“Jumlah keseluruhan sebanyak AS\$2.5 bilion akan diterima dalam masa dua bulan, bakinya akan diberi apabila kita mendapat semula beberapa aset,” katanya kepada pemberita ketika melawat Yayasan Hasanah di sini hari ini.

Beliau berkata wang tersebut akan disalurkan ke satu tabung amanah yang ditubuhkan hanya untuk membayar hutang 1MDB.

Ditanya sama ada wang yang diterima itu cukup untuk membayar hutang 1MDB, Tengku Zafrul berkata wang tersebut akan banyak membantu terutamanya dari segi pembayaran bon syarikat itu yang akan matang pada 2022 dan 2023.

Beliau juga berkata penyelesaian itu melibatkan antara Kerajaan Malaysia dan Goldman Sachs, bukan antara dua pegawainya, Tim Leissner dan Roger Ng yang terlibat dalam skandal 1MDB.

“Penyelesaian dua hala ini juga tidak akan mempengaruhi usaha kerajaan untuk mendapatkan kembali aset dan dana 1MDB daripada mana-mana pihak, sama ada individu atau syarikat,” katanya.

Semalam, Kementerian Kewangan dalam kenyataan berkata Goldman Sachs Group Inc. bersetuju untuk membayar sebanyak AS\$3.9 bilion (RM16.6 bilion) bagi penyelesaian tuntutan tertunggak berkaitan dengan tiga urus niaga bon yang telah disusun dan diatur oleh Goldman Sachs untuk 1MDB.



Penyelesaian itu merangkumi pembayaran tunai sebanyak AS\$2.5 bilion dan jaminan untuk pengembalian penuh berjumlah sekurang-kurangnya AS\$1.4 bilion dari segi aset yang berkait dengan hasil yang telah diseleweng melalui tiga urus niaga bon tersebut.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[PERMAI](#)

[BERITA HARIAN](#)